

01/10/1999

Laporan khas penubuhan universiti Mara

Masrizal Mohd Mokhtar

PADA 27 Ogos 1999, hampir semua akhbar tempatan melaporkan kenaikan taraf Institut Teknologi Mara (ITM) kepada Universiti Teknologi Mara (UTMara).

Pengumuman bersejarah ini dibuat sendiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu perjumpaan bersama pelajar dan graduan ITM di Stadium Malawati, Shah Alam pada 26 Ogos 1999. Tahniah diucapkan kepada ITM (kini UTMara) dan semoga terus menghasilkan graduan berkualiti serta berdaya maju.

Sekarang marilah kita mengalihkan perhatian kita kepada `sepupu' ITM iaitu Institut Kemahiran MARA (IKM). Semenjak IKM ditubuhkan, sebahagian pelajar IKM (bukan semua) mempunyai sedikit perasaan `inferiority complex' terhadap pelajar ITM.

Kita semua tahu sebabnya. Bagaimanapun pelajar serta graduan IKM kini boleh berbangga dengan penubuhan universiti terbaru Malaysia iaitu Universiti MARA (UniMARA). Penubuhannya diluluskan oleh Kabinet pada 29 April 1998 ataupun 16 bulan sebelum pengumuman Perdana Menteri akan kenaikan taraf ITM. Pihak media disarankan membuat laporan khas tentang IKM serta penubuhan UniMARA.

Sejarah IKM, sumbangan graduan IKM, tokoh utama IKM dan masa depan IKM perlu diberi tumpuan sewajarnya. Akhir kata `persaingan' sihat antara ITM dan IKM kini makin menarik kerana ITM menjadi UTMara sementara pelajar IKM pula berpeluang melanjutkan pengajian ke UniMARA.